

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 16 OKTOBER 2025

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA : 21

SURAT

NCER capai pelaburan RM53.39 bilion



Anwar (kanan) mempengerusikan Mesyuarat Wilayah Ekonomi Koridor Utara di Putrajaya pada Rabu.

NCER capai pelaburan RM53.39 bilion

Cipta 16,000 peluang
pekerjaan setakat
September

KUALA LUMPUR

Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) berjaya merealisasikan pelaburan mencecah RM58.39 bilion serta mencipta hampir 16,000 peluang pekerjaan bagi tempoh sehingga September tahun ini, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata, bagi tempoh tersebut, Pihak Berkuasa Pelaksanaan

Koridor Utara (NCIA) turut memudahkan pelaburan berimpak tinggi.

"Selain itu NCIA turut memberi tumpuan dalam membangunkan industri semikonduktor berteknologi tinggi menerusi program APIRC@NTIC dan meneroka potensi projek pelancongan berimpak tinggi yang dipacu pelaburan swasta," kata Anwar menerusi hantaran di laman platform X pada Rabu.

Perdana Menteri berkata, pencapaian NCER itu dimaklumkan kepada beliau semasa mempengerusikan Mesyuarat Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara Ke-34 pada pagi Rabu.

Sementara itu, dalam hantaran berasingan, Anwar memaklumkan, Pusat Memudahkan Pelaburan

Malaysia di Johor (IMFC-J) berjaya menarik minat seramai 104 pelabur berpotensi dengan anggaran pelaburan berjumlah RM29.51 bilion ke Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) bagi tempoh Januari hingga 15 September ini.

"Bagi separuh pertama 2025 sahaja, jumlah pelaburan diluluskan di JS-SEZ telah mencecah RM37 bilion, bersamaan 66 peratus daripada keseluruhan pelaburan di negeri Johor yang bernilai RM56 bilion.

"Perkembangan positif ini dimaklumkan semasa saya mempengerusikan Mesyuarat Ahli Pihak Berkuasa (MOA) ke-35, Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) hari ini (Rabu)," kata Anwar. - *Bernama*

